

# SPRM BUAT TANGKAPAN 'LEBIH BESAR' DI SABAH

NST 26.8.2017 1



IKRAR ... Sazali (kanan) menyaksikan D Kamarudin (kiri) mengetuai Ikrar Bebas Rasuah UMS.

OLEH MARRYAN RAZAN

**KOTA KINABALU:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Sabah membayangkan akan melakukan tangkapan yang 'lebih besar' di negeri ini dalam masa terdekat.

Pengarah SPRM Sabah Dato' Sazali Salbi berkata, pihaknya sedang memantau keadaan, termasuk mengumpul bukti yang mencukupi dan melakukan operasi penangkapan apabila tiba masa yang sesuai.

"Sebelum ini pihak SPRM melakukan tangkapan terhadap seramai 12 kakitangan Jabatan Kesihatan dan anggota Polis DiRaja Malaysia (PDRM) kerana disyaki terlibat dalam amalan rasuah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas majlis Melafaz dan Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) Universiti Malaysia Sabah (UMS), di Bangunan Canselor UMS, di sini, kelmarin.

Ketika ditanya sama ada SPRM akan melaksanakan tangkapan dalam masa terdekat selepas tangkapan 12 kakitangan awam sebelum ini, Sazali berkata: "Akan datang tetapi bukan bulan ini dan bukan dalam minggu terdekat... mungkin bulan depan, ada operasi akan kita laksanakan".

"Ketika ini, kita sedang mengumpul semua bukti yang diperlukan dan apabila

masa sesuai, kita akan mulakan operasi, tapi bukan dalam minggu terdekat, tetapi akan datang," katanya.

Diminta mengulas lebih lanjut sama ada ia melibatkan 'orang besar', beliau berkata: "Tunggu dan lihat kerana kita sedang mengumpul bukti-bukti".

Mengenai IBR, Sazali berkata, SPRM menghargai komitmen Naib Canselor UMS Prof. Dr. D Kamarudin D Mudin dan semua warga UMS atas kesungguhan untuk berikrar dan menandatangani ikrar bebas rasuah.

"Kita akan bekerjasama dengan pihak UMS untuk sama-sama membanteras rasuah," katanya.

Beliau turut mengingatkan semua penjawat awam terutamanya yang telah melafaz ikrar bebas rasuah supaya menghayati dan mempraktikkan perkara itu.

"Kita tidak boleh menganggap IBR sebagai perkara yang boleh 'dimain-mainkan', sebaliknya kita harus menganggapnya sebagai perkara serius. Apa yang kita ikrarkan mesti kita praktikkan dan hayati.

"Kalau kita ikrar untuk menghindari rasuah, jangan lakukan perkara yang berkaitan dengan rasuah kerana kita telah berjanji pada diri sendiri, berjanji pada ketua jabatan dan masyarakat umum bahawa kita hendak menghindari rasuah," katanya.